

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 43 )

30 Julai 2018  
17 Zulkaedah 1439

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 38/2018**

### **LARANGAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK KE ATAS PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Landskap politik Malaysia telah berubah kepada senario politik baharu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada tarikh 9 Mei 2018 dengan terbentuknya Kerajaan baharu oleh Pakatan Harapan. Keterbukaan Kerajaan baharu memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan dan pendapat. Manakala, sebagai penjawat awam terdapat peraturan yang harus dituruti. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada seluruh warga Universiti terutama kepada semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional supaya tidak terlibat dalam aktiviti politik. Dalam suasana perubahan landskap politik serta tampuk pemerintahan Negara, warga Universiti harus peka bahawa undang-undang sedia ada berhubung penglibatan penjawat awam dalam politik masih berkuat kuasa.

2. Berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa, pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang untuk bergiat aktif di dalam bidang politik. Sebagaimana dinyatakan di dalam Peraturan 20(1), Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, diperuntukkan bahawa;

#### **Mengambil bahagian dalam politik**

- 20 (1) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan

Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, dia tidak boleh –

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
  - (b) menerbitkan atau mengedarkan apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana parti politik;
  - (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
  - (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;
  - (e) bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
  - (f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.
- (2) Seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh, setelah mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga, dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.

3. Sehubungan dengan itu, Universiti memandang serius penglibatan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam aktiviti politik. Penglibatan kumpulan tersebut dalam aktiviti politik adalah bertentangan dengan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' dalam perkhidmatan awam dan boleh membawa suasana tidak harmoni di tempat kerja. Selain dari itu, keadaan ini juga adalah bagi memastikan tumpuan kepada tugas hakiki tidak terganggu.

4. Ketua Jabatan hendaklah memantau perkara ini dan seterusnya mengingatkan semua pegawai dalam kumpulan tersebut agar tidak terlibat dalam aktiviti politik sebagaimana yang dinyatakan di atas. Sekiranya terdapat mana-mana pegawai yang mengingkari arahan ini,

tindakan tata tertib boleh dikenakan ke atas mereka berdasarkan Peraturan-Peraturan Tata tertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000.

5. Pekeliling Pentadbiran Bil. 26/2009 bertarikh 14 April 2009 berkenaan Larangan Penglibatan Dalam Parti Politik Ke Atas Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pekeliling Pentadbiran Bil. 22/2013 bertarikh 14 Mei 2013 berkenaan Larangan Penglibatan Pegawai Awam Dalam Perhimpunan Haram adalah dirujuk bersama.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)  
- Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh  
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah  
- Presiden Majlis Perwakilan Pelajar

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 43 )

30 July 2018  
17 Zulkaedah 1439

## **ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 38/2018**

### **PROHIBITION AGAINST POLITICAL PARTICIPATION OF OFFICERS FROM THE TOP MANAGEMENT AND MANAGERIAL AND PROFESSIONAL GROUPS**

The formation of a new Government by Pakatan Harapan, following the 14th General Election (GE14) on 9 May 2018, has led to the emergence of a new political landscape in Malaysia. The openness of the new Government offers the people opportunities to voice their views and opinions. However, as civil servants, there are laws and regulations that need to be adhered to. This Administrative Circular thus seeks to remind the entire University community, particularly officers in the Top Management Group or Managerial and Professional Groups not to engage in political activities. Despite the change in our country's political landscape and governance, the University community needs to take note that existing laws on the involvement of civil servants in politics remain in force.

2. Under the enforced laws and regulations, officials in the Top Management Group or Managerial and Professional Groups are prohibited from engaging in politics. As stated in Rule 20 (1), Regulations of Statutory Bodies, Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000;

#### **Taking Part in Politics**

- 20 (1) An officer in the Top Management Group or the Managerial and Professional Group shall not take an active part in political activities or wear any emblem of a political party, and in particular, he/she shall not -

- (a) make any public statement, whether orally or in writing, that would convey a partisan view on any matter which is an issue between political parties;
  - (b) publish or circulate any material setting forth his/her partisan views or the views of other persons, on any matter pertaining to any political party;
  - (c) engage in canvassing in support of any candidate at an election to the Dewan Rakyat or to any State Legislative Assembly or any election to any office in any political party;
  - (d) act as an election agent or a polling agent or in any capacity for or on behalf of a candidate at an election to the Dewan Rakyat or to any State Legislative Assembly;
  - (e) stand for election for any post in any political party; or
  - (f) hold any post in any political party
- (2) An officer in the Support Group may, after obtaining the written approval of the Board, be permitted to stand for election or hold office or be appointed to any post in a political party.

3. Accordingly, the University takes a serious view of the involvement of officers from the Top Management or Managerial and Professional groups in political activities. The involvement of these groups of civil servants in political activities is contrary to the principles of neutrality and impartiality in the public service, and can cause discord at the workplace. In addition, the laws and regulations have been put in place to ensure that the officers remain focused in the discharge of their entrusted duties and responsibilities.


4. Heads of Department are to monitor this matter and remind all officers in the said group not to engage in political activities as stipulated above. In the event of any officers breaching this order, disciplinary action may be imposed on them in accordance with the laws and regulations provided in the Regulations of Statutory Bodies, Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000.

5. Administration Circular No. 26/2009 dated 14 April 2009 on the Prohibition Against Political Participation of Officers from the Top Management and Managerial and Professional Groups and Administrative Circular No. 22/2013 dated 14 May 2013 on the Prohibition Against the Involvement of Public Officers in Unlawful Assembly are referred to collectively.

Thank you.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Best regards,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor  
- Deputy Vice-Chancellor (Development)  
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)  
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)  
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)  
- Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur Campus)  
- Director, Research Centre, UTM-Pagoh Education Hub  
- Senior Officers/Deans/Directors